NOTIS SEBUT HARGA

Suruhanjaya Tenaga berhasrat mempelawa syarikat yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar di Malaysia bagi menyertai sebut harga berikut:

TAJUK DAN NO SEBUT HARGA	SESI TAKLIMAT	TARIKH PEMBELIAN & EDARAN DOKUMEN SEBUT HARGA	HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH/MASA TUTUP SEBUT HARGA DAN LOKASI SERAHAN DOKUMEN
PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENGGANTIAN DAN PEMASANGAN SISTEM KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DI BANGUNAN IBU PEJABAT SURUHANJAYA TENAGA (ST) DAN PEJABAT SATELIT ST BANGUNAN Z10 No. Sebut harga: ST/PRL/S/18/2026	**Tarikh:** 3 November 2026 (Selasa) **Masa:** 2.30 petang **Tempat:** Suruhanjaya Tenaga No 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2 62100 Putrajaya **TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH WAJIB** Nota: Bagi syarikat yang berminat untuk menghadiri taklimat sebut harga, sila kemukakan butiran syarikat dan wakil yang akan menghadiri melalui e-mel seperti yang dinyatakan di bawah.	Bermula **29 Oktober 2026 (Rabu)** Dalam waktu pejabat: 8.30 pagi hingga 5.00 petang.	1. Harga dokumen sebut harga **RM100.00** senaskah.	**11 November 2026 (Rabu)** sebelum **12.00 tengahari** di **Suruhanjaya Tenaga No 12, Jalan Tun Hussein Presint 2, 62100 Putrajaya (Peti Sebut Harga)**

<u>Kriteria Mandatori Syarikat</u>

i. Syarikat adalah Syarikat Sdn. Bhd. yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan telah beroperasi sekurang- kurangnya tiga (3) tahun;
ii. Syarikat mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya berjumlah RM50,000.00;
iii. Syarikat berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah dan berkuatkuasa bagi kategori E02 Sistem Pengawasan dan Keselamatan;
iv. Syarikat mempunyai Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate*);
v. Syarikat berdaftar sebagai Kontraktor Elektrik dengan Suruhanjaya Tenaga dan mempunyai Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor kelas B atau C.

1. Syarat-syarat, arahan serta maklumat lanjut berkenaan pelawaan ini diperincikan di dalam Dokumen Sebut Harga yang boleh diperoleh daripada Seksyen Perolehan Berpusat melalui e-mel, bermula pada **29 Oktober 2026**, dari jam **8.30 pagi hingga 5.00 petang.**

2. Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini hendaklah mengemukakan permohonan pembelian Dokumen Sebut Harga melalui e-mel dengan menyertakan dokumen sokongan berikut;
   i. Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang lengkap dan terkini (termasuk *summary of financial information*);
   ii. Sijil Pematuhan Cukai *(Tax Compliance Certificate);*

   Maklumat bank bagi tujuan pembayaran akan diberikan kepada syarikat melalui e-mel selepas permohonan disemak dan disahkan.

3. Segala kos yang berkaitan dengan penyertaan untuk tawaran sebut harga ini adalah di bawah tanggungjawab syarikat pemohon. Bayaran bagi Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat secara dalam talian sahaja, dan resit pembayaran hendaklah dikemukakan melalui e-mel. Dokumen Sebut Harga akan dihantar dalam format PDF melalui e-mel setelah pengesahan bayaran diterima daripada Seksyen Kewangan, Suruhanjaya Tenaga.

4. **Sebarang pertanyaan, sila hubungi:**
   a) Afiq Anol di talian 03-88708659 / afiq@st.gov.my
   b) Nabeela Mohamad Pesal di talian 03-88708733 / nabeela@st.gov.my

KENYATAAN INI JUGA BOLEH DIDAPATI DI LAMAN WEB SURUHANJAYA TENAGA DAN SPEED2U
www.st.gov.my / speed2u.my/welcome